

29 JAN 2003

Kadir-Buruk

BUNGKUS MAKANAN MAJLIS RUMAH TERBUKA SATU AMALAN BURUK

KUALA LUMPUR, 29 Jan (Bernama) -- Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Paduka Abdul Kadir Sheikh Fadzir hari ini menegur sikap segelintir anggota masyarakat yang gemar membungkus makanan yang disediakan pada jamuan-jamuan rumah terbuka.

"Amalan ini tidak baik, perlu dihentikan segera. Jangan nanti berlarutan sampai jadi satu budaya yang tidak sihat, tak manis dipandang," katanya pada sidang media sempena Majlis Rumah Terbuka Tahun Baru Cina di sini hari ini.

Beliau berkata perkara itu disedarinya dalam beberapa majlis rumah terbuka anjuran beberapa pemimpin negara sebelum ini.

Amalan itu akan menyebabkan jamuan yang disediakan tidak mencukupi untuk tetamu yang datang kemudian, katanya.

"Majlis rumah terbuka sebenarnya adalah ruang untuk membina keakraban pergaulan antara masyarakat, masa untuk mengucapkan selamat kepada mereka yang menyambut hari kebesaran, bukan soal makan semata-mata," katanya.

Sambutan Rumah Terbuka Tahun Baru Cina peringkat nasional akan diadakan pada 8 Feb di Dataran Petaling Jaya, Jalan Timur, Petaling Jaya mulai pukul 5.30 petang. Ia dijangka dihadiri kira-kira 200,000 orang.

Abdul Kadir berkata majlis itu bertujuan meningkatkan perpaduan dan sikap toleransi antara kaum disamping memaparkan suasana kemeriahan dan keunikan warisan budaya masyarakat berbilang kaum di Malaysia dalam meraikan hari kebesaran masing-masing.

Antara tetamu utama pada majlis itu ialah Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Fauziah Tengku Abdul Rashid, Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris serta Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau sementara itu berkata walaupun terdapat lebih 6,000 tempat meletak kereta di sekitar dataran itu, orang ramai dinasihati menggunakan perkhidmatan LRT bagi mengelak kesesakan lalulintas.

Katanya, stesen LRT Taman Jaya terletak di dalam kawasan majlis itu dan orang ramai yang menggunakan khidmat LRT boleh meletak kereta di stesen Kelana Jaya, Taman Bahagia, Taman Paramount dan Asajaya yang berhampiran.

Abdul Kadir berkata beliau difahamkan bahawa perkhidmatan LRT akan memberikan kemudahan tambang separuh harga untuk orang ramai ke tempat acara tersebut dan perkhidmatannya akan dilanjutkan sehingga pukul 3 pagi.

Mengenai majlis itu, beliau berkata orang ramai akan dihiburkan dengan persembahan oleh Nurul dan Ajai, Alleycats, Kong Brothers, Poetic Ammo serta artis Hong Kong, Andy Lau dan An Niu dari Taiwan.

Katanya, kira-kira 200 wartawan dari luar negara dijemput menyaksikan acara itu dalam usaha kementerian untuk mempromosi negara.

Majlis itu juga akan disiarkan secara langsung oleh RTM.

-- BERNAMA

AZH AZZ MOZ